

MOJO Kewartawanan Peranti, Budaya Kerja Pelaporan Baharu

ZAMRI MOHAMAD

Perunding Kanan Latihan Profesional, FINE Academy Sdn Bhd

Latar Belakang

Kejadian malang seorang pemandu maut selepas kereta yang dibawa terhumban dari Jambatan Pulau Pinang dalam satu kemalangan pada 20 Januari 2019 membawa kepada satu lagi perubahan gaya pelaporan kewartawanan tradisional menjadi pelaporan gaya kewartawanan peranti atau Mobile Journalism (MOJO). Usaha kumpulan wartawan dari Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA, 2019a) biro Pulau Pinang yang merupakan satu-satunya kumpulan media yang berada di tempat kejadian menggunakan Facebook Live sebagai cara menyampaikan maklumat terus dari lokasi. Pelaporan ini mencatatkan jumlah 1.2 juta tontonan, 14,511 perkongsian maya dan 14,000 respon emoji (Front Desk, 2019). Pendekatan pelaporan MOJO sebagai satu bentuk pelaporan yang terus kepada masyarakat (BERNAMA, 2019b).

MOJO merupakan pendekatan pelaporan yang tidak berstruktur sebelum ia diangkat sebagai satu pendekatan berformat baik dari aspek isi mahupun penyediaan alat kerja teknikal. Dari aspek pelaporan, ia menekankan kepada pendekatan penceritaan (storytelling) dalam penyampaian berita dengan mengutamakan komuniti sebagai fokus utama. MOJO yang juga dipanggil sebagai kewartawanan saiz poket ini

merujuk kepada penggunaan telefon bimbit yang mempunyai kapasiti merakam video, audio, visual dan disebarikan melalui media sosial. (Richardson, 2012)

Bagi memahami keberkesanan pelaporan berita berasaskan MOJO, kita menggunakan analogi ini. Antara tukul, orang yang menukul dan apa yang ditukul, mana satu yang lebih penting bagi mencapai hasil yang baik? Ketiga-tiganya tidak dapat berdiri sendiri dan mempunyai hubungan secara simbiosis. Orang yang menukul, iaitu wartawan mesti memiliki kemahiran kewartawanan peranti dalam menyusun, membuat dan menyunting audio, visual dan video pelaporan. Tukul yang digunakan, iaitu telefon bimbit mesti mempunyai kualiti lensa, ruang penyimpanan memori serta sejumlah aplikasi penting agar ia dapat menyimpan pelaporan yang dapat dibentuk ke dalam pelbagai format merentasi media sosial. Apa yang ditukul pula berkaitan dengan jenis pelaporan yang mahu diangkat yang memenuhi sifat komuniti dan dapat disebarikan secara meluas melalui penceritaan dalam komuniti itu kembali. Ketiga-tiganya mengikat nilai pemberitaan kembali. Latihan berfokus ke atas wartawan, teknologi alat yang membolehkan kualiti digital disimpan dan penentuan berita yang berorientasi komuniti menjadi pasak keberhasilan MOJO.

MOJO dan Idea Kewartawanan Baru

MOJO lahir daripada adaptasi kerja-kerja kewartawanan itu terdahulu. Keterhadan yang berlaku dan peluang yang muncul merupakan dua daya yang menolak disiplin pelaporan agar berubah mengikut masa. Pelaporan MOJO berasaskan penceritaan datang daripada idea Kewartawanan Baru atau New Journalism. Idea ini diperkenalkan sekitar tahun 1960-an. Pada waktu itu penekanan pelaporan dikerangkakan sebagai strategi yang sofistikated ke atas prosa. Ia disebut sebagai idea disebabkan praktisnya yang disifatkan kabur. Idea ini dikreditkan ke atas nama Matthew Arnold yang menyebutnya pada tahun 1887 (Morison, 2009). Idea ini mendapat perhatian dari tahun ke tahun dengan percubaan membentuk beberapa

model kerja ke atasnya. Profesor Madya Dr. Talib Samat menulis sebuah buku seawal tahun 1998 berjudul *Kewartawanan Baru: Dimensi Kewartawanan dan Kesusasteraan* (Samat, 1998) bagi memperincikan lagi karakteristik pelaporan sebegini.

Manakala, *Idea Kewartawan Baru* (Fakazis, 2013) terus mendapat perhatian sehingga tahun 1970-an. Pada tahun-tahun sebelumnya, majalah lebih banyak menyambut idea penceritaan ke atas fakta berbanding penulisan dalam akhbar yang masih mahu menggunakan pendekatan sedia ada. Pengetahuan baharu diperkenalkan berdasarkan idea ini dan dikembangkan menjadi disiplin lain seperti kewartawanan naratif. Anugerah Pulitzer (Hatcher, 2007) telah diperkenalkan seawal tahun 1917 bagi meraikan penulisan kewartawan terbaik, komposisi muzik dan sastera. Bermula tahun 1970 ke atas, penerapan idea *Kewartawanan Baru* (Fakazis, 2013) sebagai model pelaporan gaya penceritaan jelas menonjol pada pemilihan karya para pemenang.

Hari ini, penceritaan adalah satu kemahiran yang menjadi perkara mesti ada dalam praktis MOJO. Penceritaan pada skrin objektifnya mahu mengukuhkan kesan visual dalam fikiran audien. Visual yang membentuk memori menjadikan pelaporan dilihat menonjol dan terkeluar daripada lambakan maklumat yang berebutkan perhatian yang sama.

MOJO Membentuk Kewartawanan Kolaboratif

Karakteristik MOJO yang mengutamakan komuniti memberikan kuasa kepada masyarakat berkolaborasi secara langsung dalam penyediaan bahan pelaporan yang diperlukan. Corak pemberitaan yang dipanggil kewartawanan awam mula terbentuk dalam pemberitaan peringkat nasional. Sebelum ini, dominasi kepada pemberitaan dilihat menjadi sesuatu yang eksklusif melalui badan penyiaran kerajaan seperti Radio Televisyen Malaysia (RTM) yang beroperasi sejak tahun 1946 dan Sistem

Televisyen Malaysia Berhad (TV3) sebagai stesen swasta siaran terestria yang muncul pada tahun 1984 (BERNAMA, 2018). Keadaan ini kemudian perlahan-lahan beralih kepada pemberitaan dalam komuniti terlebih dahulu. Budaya kewartawanan awam merupakan pergerakan global yang mendorong kepada kolaborasi secara langsung dengan badan penyiaran sedia ada (Heinrich, 2008).

Klip-klip video yang dirakam terus daripada telefon bimbit dijadikan siaran utama dalam pelaporan berita pada waktu perdana. Ulang siar rakaman saat-saat awal tsunami di Aceh yang menjadi tumpuan dunia pada tahun 2004 diambil daripada rakaman telefon bimbit mangsa yang berjaya menyelamatkan diri ketika musibah itu berlaku. Kompilasi video sumbangan orang ramai membentuk peta pelaporan yang konstruktif dari pelbagai sudut untuk keperluan media nasional. Kompilasi ini mendorong kepada gerakan bersepadu dunia dalam kerja-kerja menyelamatkan dan memulihkan kembali tempat terbabit (Alejandro, 2010). Pada tahun 2018, peristiwa tsunami di Indonesia sekali lagi menangkap perhatian dunia apabila tularnya video yang dirakam penonton konsert kumpulan pop Seventeen di tepi pantai di Pusat Peranginan Tanjung Lesung, Banten. Paparan tangkap skrin atau screenshot menjadi bahan cetak pada akhbar Berita Harian (Agensi/Evening Standard, 2018). Harian Metro juga menjadikan screenshot video tembakan anggota polis ke atas lelaki amuk sebagai foto utama muka hadapan akhbar pada 2 April 2019. Video rakaman awam juga dimuat naik dalam laman YouTube rasmi Harian Metro sebagai bahan pelaporan rasmi mereka pada tarikh yang sama (Harian Metro, 2019).

MOJO membesarkan budaya pelaporan sedia ada dalam dua keadaan. Pertama, kewartawanan awam yang memberi kuasa pemberitaan langsung kepada orang awam. Kedua, adanya pelaporan kolaboratif yang menjadikan mereka rakan media rasmi secara langsung (Carlo Bertot, Jaeger, & Grimes, 2012). Situasi ke hadapan

memerlukan pembinaan komuniti MOJO yang berstruktur melalui pembinaan komuniti yang terlatih dalam pelaporan beretika dan terancang. Ini digerakkan melalui kerjasama berbentuk pendidikan langsung badan penyiaran sedia ada terus kepada komuniti. Memperkasa orang awam dalam keupayaan mengumpulkan, melaporkan, menganalisa dan menyebarkan berita dan maklumat adalah teras kepada kewartawanan awam. Mengekang tularnya berita palsu atau separuh benar memerlukan pengamal kewartawanan awam memahami apakah yang dikatakan kebenaran dan ketepatan, kemandirian, keseimbangan dan keadilan, kemanusiaan dan akauntibiliti (The Public Reporter, 2015).

MOJO dan Pembinaan Karakter serta Visi Pelapor

MOJO pada peringkat global menyaksikan wujudkan gerakan mandiri yang diasaskan oleh wartawan dan bekas wartawan bagi mendorong aktiviti ini. Perkembangan dalam negara menyaksikan usaha wartawan BERNAMA, Ali Imran Mohd Noordin yang mengambil inisiatif secara individu dengan memperkenalkan group Facebook Wartawan Awam (The Public Reporter) sebagai pendidikan perspektif pemberitaan untuk bukan pengamal (The Public Reporter, 2015). Beliau membentuk dua jenis pelaporan pada satu-satu masa, iaitu pelaporan rasmi melalui BERNAMA dan pelaporan MOJO yang menunjukkan di sebalik tabir proses pemberitaan seorang wartawan dilakukan. Peristiwa pembunuhan Kim Jong-nam yang berlaku di negara kita diangkat pada pada dua sisi. Pertama, pelaporan berbentuk perkembangan situasi semasa, kemudian diikuti pelaporan MOJO yang membawa perhatian khalayak kepada proses pengumpulan berita yang dilakukan pada setiap hari di hadapan kedutaan Korea Selatan (Imran, 2017).

Pada satu sudut dunia lagi, bekas wartawan CNN biro London dan Hindustan Time, Yusuf Omar menginovasikan pelaporan awam dengan pengkaderan 750 wartawan

awam seluruh dunia melalui pendekatan MOJO (Qukula, 2017). Percaya pada idea kewartawan selfie atau selfie journalism, Yusuf memberikan kerangka baharu kepada dunia kewartawanan apabila pada tahun 2016 beliau berjaya mendapatkan kerjasama mangsa serangan seksual bawah umur melalui temubual menggunakan aplikasi Snapchat (Omar, 2016). Fungsi filler yang disediakan pada aplikasi ini menyembunyikan identiti mangsa seks tetapi memberi nafas kepada kebenaran yang mahu disampaikan kepada dunia. Kejayaan ini mendorong kepada

inisiatif beliau melalui pengenalan Hashtag Our Stories. Gerakan ini mendorong perkembangan MOJO di 40 buah negara meliputi pelaporan 500 wartawan peranti (Omar, 2017).

Kedua-dua karakter ini, Ali Imran dan Yusuf Omar adalah identiti MOJO yang dibentuk secara terancang agar budaya kewartawanan yang terlatih disuburkan melalui proses formal dan organik yang datang bersama.

Rujukan

- Agensi/Evening Standard. (2018). Saat ngeri konsert dilanda tsunami dirakam
Retrieved 6 Sept, 2019, from
<https://www.bharian.com.my/dunia/asean/2018/12/512311/saat-neri-konsert-dilanda-tsunami-dirakam>
- Alejandro, J. (2010). Journalism in the age of social media. Reuters Institute Fellowship Paper, 5.
- BERNAMA. (2018). Sejarah, nilai kewartawanan negara Retrieved 5 Sept, 2019, from
<https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2018/04/407832/sejarah-nilai-kewartawanan-negara>
- BERNAMA. (2019a). Kereta terhumban ke laut selepas kemalangan di Jambatan

- P.Pinang Retrieved 20 Sept, 2019, from
<http://www.bernama.com/bm/news.php?id=1686777>
- BERNAMA. (2019b). Kewartawanan peranti sampaikan maklumat dengan cepat, meluas Retrieved 20 Sept, 2019, from
<http://www.bernama.com/bm/news.php?id=1721492>
- Carlo Bertot, J., Jaeger, P. T., & Grimes, J. M. (2012). Promoting transparency and accountability through ICTs, social media, and collaborative e-government. *Transforming government: people, process and policy*, 6(1), 78-91.
- Fakazis, L. (2013). New Journalism: American literary movement Retrieved 4 Sept, 2019, from <https://www.britannica.com/topic/New-Journalism>
- Front Desk. (2019). Insiden Jambatan Pulau Pinang Retrieved 2 Sept, 2019, from <https://www.facebook.com/byFrontDesk/videos/818201315192800/>
- Harian Metro. (2019). Amuk tak boleh keluar duit Retrieved 2 Sept, 2019, from <https://www.youtube.com/watch?v=sF7XDQHUX5A>
- Hatcher, J. (2007). Were those the days? Revisiting the Pulitzer-winning efforts of community newspapers in the 1970s. *American Journalism*, 24(1), 89-109.
- Heinrich, A. (2008). Network journalism: Moving towards a global journalism culture. Paper presented at the RIPE Conference: Public Service Media for Communication and Partnership.
- Imran, A. (2017). Polis buat sekatan di kedutaan Korea Utara Retrieved 5 Sept, 2019, from <https://www.facebook.com/imran.oren/videos/10155099369540970/>
- Morison, S. (2009). *The English Newspaper, 1622-1932: An Account of the Physical Development of Journals Printed in London*: Cambridge University Press.
- Omar, Y. (2016). Using Snapchat to give a voice to sexual abuse survivors Retrieved 5 Sept, 2019, from <https://www.theguardian.com/media-network/2016/aug/24/snapchat-give-voice-sexual-abuse-survivors>
- Omar, Y. (2017). A global network of mobile storytellers creating videos about people

changing their worlds Retrieved 8 Sept, 2019, from
<https://hashtagourstories.com/>

Qukula, Q. (2017). Award-winning mobile editor and reporter Yusuf Omar described the power of mobile journalism and how it's changing news reporting. Retrieved 6 Sept, 2019, from
<http://www.capetalk.co.za/articles/264075/mobile-journalism-empowers-youth-to-tell-compelling-stories-cnn-s-yusuf-omar>

Richardson, A. (2012). Commentary: Mobile Journalism: A Model for the Future Retrieved 3 Sept, 2019, from <https://diverseeducation.com/article/17180/>

Samat, T. (1998). Gayaewartawanan baru: dimensi kewartawanan dan kesusasteraan: Thinker's Library.

The Public Reporter. (2015). "Kita semua adalah wartawan" Retrieved 8 Sept, 2019, from <https://www.facebook.com/groups/1560828317490933/>